

Hubungan Malaysia- B r i t a i n terus kukuh

26 JUN 2002

KERTIH, Selasa - Kerajaan Britain yakin hubungan dua hala dengan Malaysia akan terus kukuh kerana negara ini mengamalkan demokrasi dan berjaya mengekalkan kestabilan pojitik.

Pesuruhjaya Tinggi Britain, Bruce Cleghorn, berkata kejayaan itu adalah hasil kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berpandangan jauh untuk membangunkan negara.

Malah, katanya hubungan baik Britain dan Malaysia yang sudah lama terjalin bertambah kukuh apabila Perdana Menteri, Tony Blair dan Dr Mahathir saling berhubungan dan bertemu.

"Kerjasama dan hubungan dua hala dapat diteruskan di bawah kepemimpinan Dr Mahathir dan sebab itu saya berharap beliau (Dr Mahathir) akan terus menerajui negara.

"Saya yakin jika Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri hubungan baik dengan Britain akan berterusan. Saya juga tidak menghadapi masalah untuk meneruskan hubungan rapat dengan pemimpin lain," katanya kepada pemberita selepas melawat BP Petronas Acetyls Sdn Bhd dan Polyethylene Malaysia Sdn Bhd, di sini semalam.

Sebelum itu, beliau diberikan taklimat oleh Pengurus Teknikal Polyethylene, Michael J Godfrey dan Pengurus Besar BP Petronas Acetyls, Ronan O'neil.

Cleghorn dan isteri turut mengambil kesempatan melawat Pusat Santuari Penyu Ma'Daerah di Kertih.

Cleghorn berkata, beliau yakin kestabilan politik di negara ini tidak terganggu walaupun berlaku perubahan pucuk pimpinan dalam parti dan kerajaan.

Katanya, syarikat negara berkenaan melabur RM18 bilion dalam pelbagai industri di negara ini antara 1990 hingga 1999.

Beliau berkata, syarikat itu turut membawa teknologi tercanggih dalam usaha membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Pelabur negara berkenaan, BP Chemical Investment Ltd memiliki ekuiti 15 peratus dalam Polyethylene, manakala Petronas (72.5 peratus) dan Idemitsu Pterochemical Co Ltd (12.5 peratus) daripada modal dibenarkan RM450 juta.

Dalam Ethylene Malaysia Sdn Bhd pula, Petronas memiliki ekuiti 40 peratus manakala BP Chemical Assets Sdn Bhd sebanyak 60 peratus daripada modal yang dibenarkan RM210 juta.